



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK ICT 2012-2015 (PSICT)



MCMC

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Perutusan Y.Bhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri	i
Perutusan Datuk Bandar	ii
Pengenalan	1
Pendekatan Projek	2
Visi & Misi	3
Teras Strategik	4
Program Strategik	7
 Pelan Tindakan	
Teras 1	8
Teras 2	11
Teras 3	19
Teras 4	21
Teras 5	23
 Pelan Pelaksanaan	24
Jadual Pelaksanaan Program	25
Faktor Kritikal Program	28
 Penutup	30
Terminologi	31



PERUTUSAN

Y.BHG. TIMBALAN

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI



Pelan Strategik ICT PBT Selangor 2012 - 2015 adalah satu rancangan 4 tahun ICT PBT ke arah kecemerlangan pentadbiran kerajaan bersandarkan kebolehpayaan ICT mendukung perkhidmatan. Perancangan yang teratur dan sistematik akan menjadikan sesuatu pelaksanaan itu mencapai tahap yang cemerlang sebagaimana yang dikehendaki oleh masyarakat.

Bagi memenuhi harapan dan kehendak pelanggan, dokumen PSICT yang menyeluruh disediakan yang mana PSICT ini merupakan satu agenda pemodenan ke arah peningkatan sistem penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor 2012 - 2015. PSICT PBT Selangor ini juga dibangunkan dengan mengambil kira program-program yang dirancang dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2012 - 2015.

PSICT menyediakan pelbagai strategi dan pelan tindakan setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Pelan Strategik ini akan dikaji semula secara berkala bersesuaian dengan perubahan perkhidmatan dan kehendak pelanggan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa ICT PBT Selangor, Jawatankuasa PSICT PBT Selangor 2012 - 2015 dan Pasukan Perunding ICT Sektor Awam dari MAMPU yang telah berusaha gigih menyiapkan PSICT secara bersama oleh 12 PBT Negeri Selangor.

Adalah diharapkan melalui pendekatan perancangan yang berkesan dan terancang melalui dokumen PSICT ini akan meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

DATO' TARMEDI BIN HJ OMAR
DSIS., JSM., SMS., KMN.

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN),
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



PERUTUSAN DATUK BANDAR

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Majlis Bandaraya Shah Alam telah berjaya menggubal Pelan Strategik ICT (PSICT) MBSA 2012 - 2015. PSICT ini adalah manifestasi komitmen yang tinggi daripada seluruh warga MBSA terhadap usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan dan penggunaan teknologi ICT bagi mencapai visi Majlis iaitu Menjadikan Shah Alam Sebuah Bandaraya yang Berkualiti, Sejahtera, Kondusif dan Terunggul dengan misi Menjadikan Tadbir Urus MBSA Sebagai Organisasi yang Efisien, Kompeten, Dinamik dan Terus Cemerlang.

Dengan adanya Pelan Strategik ICT MBSA 2012 - 2015, perancangan dan pelaksanaan program ICT di MBSA akan lebih tersusun dan memenuhi keperluan serta perkembangan teknologi ICT yang begitu pesat berkembang sekarang ini. Pada era ini tidak ada organisasi mahupun individu yang mampu bergerak maju tanpa dibantu dengan penggunaan ICT. Pencapaian dan peningkatan produktiviti yang tinggi yang dicapai oleh MBSA pada masa ini banyak dibantu oleh penggunaan teknologi ICT.

Sehubungan itu, saya berharap matlamat MBSA untuk menjadi organisasi digital dan 'mobile government', serta menggunakan aplikasi komputer sepenuhnya di dalam perkhidmatan yang diberikan akan menjadi kenyataan pada penghujung tahun 2015. Akhir kata saya menyeru kepada semua pihak terutamanya warga MBSA untuk sama-sama memperkasakan dan membudayakan ICT di dalam urusan pekerjaan harian agar seluruh pendekatan dan strategi ke hadapan yang dilaksanakan akan dapat mencapai matlamat dan hala tuju yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

DATO' HAJI MOHD JAAFAR BIN HJ MOHD ATAN
DPMS., PPT., PSK., BKT., AMN., PKJ.
DATUK BANDAR,
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM



PENGENALAN

Pelan Strategik ICT (PSICT) MBSA 2012 - 2015 (PSICT MBSA 2012 - 2015) merupakan satu 'blue print' yang menggariskan perancangan dan hala tuju program teknologi maklumat (ICT) untuk Majlis Bandaraya Shah Alam. Pembangunan PSICT ini merupakan projek bersama dua belas (12) PBT di negeri Selangor dan dilaksanakan dengan khidmat rundingan oleh MAMPU. PSICT MBSA 2012 - 2015 ini menetapkan 5 teras strategik utama ICT untuk tempoh 4 tahun 2012 - 2015, iaitu:



Dokumen PSICT MBSA 2012 - 2015 ini mengandungi 17 strategi dan 66 program ICT yang telah dikenalpasti sebagai strategi dalam pengukuhan pelaksanaan ICT di MBSA bermula tahun 2012 sehingga tahun 2015. Pelan tindakan untuk tempoh empat tahun telah dirangka beserta kos yang terlibat bagi setiap satu program.

Pelan ini adalah selari dengan visi, misi dan hala tuju MBSA yang telah dinyatakan di dalam Pelan Perancangan Strategik MBSA 2011 - 2015. Ianya juga adalah bersesuaian dengan hala tuju kerajaan Negeri Selangor seperti yang terdapat di dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2011 - 2015.


PENDEKATAN PROJEK

• Struktur Urus Tadbir

Satu Jawatankuasa ICT PBT Selangor telah dibentuk untuk memastikan aktiviti pembangunan dan penyediaan dokumen berjalan dengan sempurna. Jawatankuasa PSICT PBT Selangor ini diketuai oleh Timbalan Datuk Bandar MBSA selaku Pengarah Projek, dibantu oleh Pengarah ICT MBSA dan Pengarah ICT MBPJ selaku Pengurus Projek I dan II dan disokong oleh MPSepang sebagai Pejabat Pengurusan Projek (PMO) serta empat unit Pasukan Kerja. Pembangunan PSICT ini dibimbing sepenuhnya oleh Pasukan Perunding MAMPU.

• Metodologi

Pembangunan PSICT mengguna pakai pendekatan Analisis, Strategi dan Formulasi (ASF) bagi mengenalpasti keperluan bisnes agensi dan seterusnya menetapkan visi, misi dan teras strategik serta penghasilan program dan pelan tindakan PSICT MBSA bagi tempoh empat tahun 2012 - 2015. Metodologi ASF melalui tiga fasa utama iaitu:





• MBSA

VISI

- MENJADIKAN SHAH ALAM BANDARAYA YANG BERKUALITI, SEJAHTERA, KONDUSIF DAN TERUNGUNGUL

MISI

- MENJADIKAN TADBIR URUS MBSA SEBAGAI ORGANISASI YANG EFISIEN, KOMPETEN, DINAMIK DAN TERUS CEMERLANG

• ICT

VISI

- ICT PEMACU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN MBSA YANG CEMERLANG

MISI

- MEMPERKASAKAN APLIKASI DAN INFRASTRUKTUR ICT BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN INTEGRITI SISTEM PENYAMPAIAN KEPADA PELANGGAN
- MEMPERTINGKATKAN PENGETAHUAN, KEUPAYAAN DAN KEMAHIRAN ICT BAGI MELAHIRKAN WARGA KERJA YANG KOMPETEN DAN BERDAYA SAING

TERAS STRATEGIK

• Objektif Teras

Lima teras strategik ICT telah dikenalpasti untuk memacu hala tuju ICT sepertimana yang ditetapkan menerusi Misi dan Visi ICT MBSA.

TERAS STRATEGIK	OBJEKTIF
TERAS 1 PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT YANG SELAMAT, PANTAS DAN STABIL	i. Menaiktaraf infrastruktur ICT berteknologi terkini dan mempelbagaikan perimeter keselamatan bagi menangani ancaman tanpa sempadan. ii. Memperkukuhkan prestasi infrastruktur ICT bagi menjamin kesinambungan sistem penyampaian perkhidmatan secara lebih efisien dan efektif.
TERAS 2 PENGUKUHAN APLIKASI SECARA BERSEPADU DAN BERKESAN	i. Memantapkan sistem perkhidmatan perbandaran dan kebolehcapaian maklumat atas talian secara berterusan bagi meningkatkan perkhidmatan yang konsisten kepada pelanggan serta mesra pengguna. ii. Memperkasakan inisiatif perkongsian pintar dengan agensi dalaman/awam melalui kolaborasi maklumat bersepadu selaras dengan Dasar Kerajaan terkini.
TERAS 3 PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT PBT	i. Memantapkan organisasi dan Jawatankuasa ICT bagi meningkatkan kompetensi <i>output</i> dan <i>outcome</i> PBT. ii. Memperkasakan sistem dan prosedur ICT secara berterusan bagi meningkatkan kualiti sistem perkhidmatan PBT. iii. Meningkatkan kesedaran dan kesediaan perubahan bagi mengoptimumkan keberkesanan perkhidmatan serta tahap keselamatan ICT
TERAS 4 PEMANTAPAN MODAL INSAN DAN PEMBUDAYAAN ICT PBT	i. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga kerja di semua peringkat dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk menjana perkhidmatan berkualiti dan bernilai tinggi. ii. Mempertingkatkan kesedaran dan pembudayaan ICT di kalangan warga kerja secara berterusan bagi memperluaskan penggunaan ICT dalam persekitaran kerja. iii. Menggalakkan perkongsian maklumat untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.



TERAS STRATEGIK	OBJEKTIF
<u>TERAS 5</u> PEMANTAPAN PEMBUDAYAAN ICT DAN KEBOLEHPERCAYAAN MAKLUMAT KOMUNITI	i. Meningkatkan kesedaran ICT di kalangan komuniti bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan yang berkesan. ii. Memperkukuhkan kebolehpercayaan maklumat bagi meningkatkan keyakinan komuniti terhadap PBT. iii. Merapatkan jurang digital di kalangan komuniti dengan membangunkan infrastruktur ICT yang stabil dan menyeluruh.

TERAS STRATEGIK

- Penjajaran Teras Strategik ICT Dengan Teras Perkhidmatan MBSA



Rajah 1: Penjajaran Teras Strategik ICT Dengan Teras Perkhidmatan MBSA



PROGRAM STRATEGIK

Berpandukan kepada lima teras strategik ICT yang telah dibentuk, sebanyak 17 strategi ICT telah dikenalpasti dalam mengukuhkan pelaksanaan ICT di Majlis Bandaraya Shah Alam dari tahun 2012 sehingga 2015.



Rajah 2: Strategi ICT MBSA Mengikut Teras Strategik

PELAN TINDAKAN

TERAS 1: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT YANG SELAMAT, PANTAS DAN STABIL

STRATEGI 1: Peningkatan Infrastruktur Rangkaian IPv6

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
1a. Fasa 1: Transisi Infrastruktur IPv6	<u>Mei 2012</u> Kelulusan kertas cadangan Fasa 1 <u>Julai 2012</u> Perolehan perkakasan <u>Dis 2012</u> Selesai pelaksanaan Fasa 1	Jabatan ICT
1b. Fasa 2: Penguatan Infrastruktur Rangkaian dan Keselamatan ICT	<u>Mac 2013</u> Kelulusan kertas cadangan Fasa 2 <u>Jun 2013</u> Perolehan perkakasan <u>Dis 2013</u> Pelaksanaan IPv6	Jabatan ICT

STRATEGI 2: Penyediaan Prasarana ICT Yang Mencukupi

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
2a. Pengumpulan dan pengemaskinian maklumat inventori ICT Perkakasan dan perisian	<u>Dis 2012</u> Inventori lengkap	Jabatan ICT
2b. Perancangan Kapasiti Fasa 1 Pelan Penggantian perkakasan dan perisian komputer kakitangan setiap 5 tahun	<u>Nov 2012</u> Siap laporan cadangan penggantian prasarana ICT <u>Dis 2012</u> Kelulusan pengurusan	Jabatan ICT
2c. Perancangan Kapasiti Fasa 2 Menaiktaraf infrastruktur ICT (perkakasan, perisian, rangkaian dan server)	<u>Jun 2013</u> Siap laporan cadangan menaiktaraf prasarana ICT <u>Ogos 2013</u> Kelulusan pengurusan	Jabatan ICT



PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
2d. Pelaksanaan Hasil Kajian Perolehan Mengikut Pelan Penggantian Komputer Kakitangan	Dis 2013 60% Perolehan perkakasan berdasarkan pada hasil kajian Dis 2014 25% Perolehan perkakasan berdasarkan pada hasil kajian Dis 2015 15% Perolehan perkakasan berdasarkan pada hasil kajian	Jabatan ICT
Perolehan menaiktaraf infrastruktur ICT (perkakasan, perisian, rangkaian dan server)	Dis 2014 80% Perolehan perkakasan, perisian, rangkaian dan server Dis 2015 20% Perolehan perkakasan, perisian, rangkaian dan server	
STRATEGI 3: Penubuhan Pusat Pemulihan Data (DRC)		
PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
3a. Kajian Pengwujudan DRC Bersepadu	Dis 2014 Selesai 4 sesi perbincangan Jun 2015 Selesai kajian	PBT Selangor
STRATEGI 4: Menaiktaraf Pusat Data II sebagai DRC		
PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
4a. Menaiktaraf Pusat Data Pejabat Cawangan Kota Kemuning sebagai DRC	Mac 2013 Kelulusan pengurusan Dis 2013 Selesai menaiktaraf	Jabatan ICT
4b. Menaiktaraf Capaian Rangkaian	Mac 2013 Kelulusan pengurusan Dis 2013 Selesai menaiktaraf	Jabatan ICT

STRATEGI 5: Pelaksanaan Teknologi *Virtualization*

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
5a. Pengwujudan <i>virtual server</i>	<u>Mei 2015</u> Kelulusan kertas cadangan <u>Dis 2015</u> Projek Virtualisasi siap sepenuhnya	Jabatan ICT

STRATEGI 6: Pelaksanaan *Cloud Computing*

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
6a. Pengwujudan <i>cloud computing</i>	<u>Mei 2015</u> Kelulusan kertas cadangan <u>Dis 2015</u> Projek Cloud Computing siap sepenuhnya	Jabatan ICT



TERAS 2: PENGUKUHAN APLIKASI SECARA BERSEPADU DAN BERKESAN

STRATEGI 1: Perkhidmatan Dalam Talian

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
1a. Sistem iCukai	Jan 2012 Pelaksanaan Sistem iCukai	Jabatan ICT / Penilaian & Pengurusan Harta / Pengurusan Hasil & Pelaburan / Kewangan
1b. Sistem iKempaun	Jan 2012 Pelaksanaan Sistem iKempaun	Jabatan ICT / Undang-undang / Penguatkuasaan
1c. Sistem iSewaan	Jul 2012 Kelulusan Pengurusan Jan 2013 Melantik pemborong/pembekal Mac 2013 Pelaksanaan Sistem iSewaan	Jabatan ICT / Penilaian & Pengurusan Harta / Pelesenan & Penguatkuasaan / Pengurusan Hasil & Pelaburan / Pengurusan Stadium
1d. Sistem iLesen	Jul 2012 Kelulusan Pengurusan Jan 2013 Melantik pemborong/pembekal Jun 2013 Pelaksanaan Sistem iLesen	Jabatan ICT / Pelesenan & Penguatkuasaan
1e. Sistem iTempahan	Jul 2012 Kelulusan Pengurusan Jan 2013 Melantik pemborong/pembekal Sept 2013 Pelaksanaan Sistem iTempahan	Jabatan ICT / Penilaian & Pengurusan Harta / Korporat / Perkhidmatan Bandar / Taman & Rekreasi / Pengurusan Stadium
1f. Sistem iPermit	Jul 2012 Kelulusan Pengurusan Jan 2013 Melantik pemborong/pembekal Feb 2014 Pelaksanaan Sistem iPermit	Jabatan ICT / Kejuruteraan / Bangunan / Pelesenan & Penguatkuasaan / Perkhidmatan Bandar

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
1g. Sistem iBayaran	<u>Jul 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Dis 2012</u> Pelaksanaan Sistem iBayaran	Jabatan ICT / Kewangan / Penilaian & Pengurusan Harta / Pelesenan & Penguatkuasaan / Perkhidmatan Bandar
1h. Sistem iPembangunan	<u>Jul 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2013</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jul 2013</u> Pelaksanaan Sistem iPembangunan	Jabatan ICT / Bangunan
1i. Sistem iPemborong	<u>Jul 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2013</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Apr 2013</u> Pelaksanaan Sistem Maklumat Pemborong	Jabatan ICT / Khidmat Pengurusan / Kewangan
1j. Sistem iCagaran	<u>Jul 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2013</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jul 2013</u> Pelaksanaan Sistem i Cagaran	Jabatan ICT / Penilaian & Pengurusan Harta / Pelesenan & Penguatkuasaan / Perancangan / Bangunan / Pengurusan Stadium
1k. Sistem iJMB	<u>Jul 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2013</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jun 2014</u> Pelaksanaan Sistem iJMB	Jabatan ICT / Pesuruhjaya Bangunan



STRATEGI 2: Inisiatif 'Paperless'		
PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
2a. Emel	<u>Okt 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Nov 2012</u> Pelaksanaan emel	Jabatan ICT
2b. MyMeeting	<u>Okt 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Nov 2012</u> Pelaksanaan MyMeeting	Jabatan ICT
2c. Sistem iBil	<u>Okt 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Feb 2013</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jul 2013</u> Pelaksanaan Sistem iBil	Jabatan ICT
2d. Sistem Pertanyaan (sms)	<u>Okt 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Feb 2013</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jul 2013</u> Pelaksanaan Sistem Pertanyaan (sms)	Jabatan ICT
2e. Aplikasi Mudah Alih (Mobile Application)	<u>Jul 2014</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2015</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Dis 2015</u> Pelaksanaan Sistem	Jabatan ICT
STRATEGI 3: Aplikasi 'Back Office'		
PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
3a. Sistem Belanjawan	<u>Jan 2012</u> Pelaksanaan Sistem Belanjawan	Jabatan ICT / Kewangan
3b. Sistem Perolehan dan Bayaran	<u>Jan 2012</u> Pelaksanaan Sistem Perolehan dan Bayaran	Jabatan ICT / Kewangan

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
3c. Sistem Perakaunan Bersepadu MBSA	<u>Mei 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Okt 2012</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jun 2013</u> Pelaksanaan Sistem Perakaunan Bersepadu MBSA	Jabatan ICT / Kewangan
3d. Sistem Pelesenan dan Maklumat Perniagaan	<u>Mei 2012</u> Pelaksanaan Sistem Pelesenan dan Maklumat Perniagaan	Jabatan ICT / Pelesenan & Penguatkuasaan
3e. Sistem Kompaun dan Penguatkuasaan	<u>Mei 2012</u> Pelaksanaan Sistem Kompaun dan Penguatkuasaan	Jabatan ICT / Penguatkuasaan / Undang-undang
3f. Sistem Kompaun PDA	<u>Sept 2012</u> Pelaksanaan Sistem Kompaun PDA	Jabatan ICT / Pelesenan & Penguatkuasaan
3g. Sistem Sewaan Tempat Letak Kereta	<u>Dis 2012</u> Pelaksanaan Sistem Sewaan Tempat Letak Kereta	Jabatan ICT / Pengurusan Hasil & Pelaburan
3h. Sistem Tempahan	<u>Jan 2014</u> Pelaksanaan Sistem Tempahan	Jabatan ICT / Penilaian & Pengurusan Harta / Korporat / Perkhidmatan Bandar / Taman & Rekreasi / Pengurusan Stadium
3i. Executive Information System (EIS)	<u>Jul 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2013</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jul 2013</u> Pelaksanaan Executive Information System (EIS)	Pengurusan Tertinggi / Jabatan ICT



PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
3j. Pembangunan Data Geospasial dan Geoportal MBSA - Bengkel GIS - Pembangunan Data spatial dan aplikasi GIS MBSA <u>Jabatan Bangunan</u> - Integrasi data spatial dan data Penilaian & Cukai Taksiran serta data CF <u>Jabatan Perancangan</u> - Tadika - Billboard - Laluan Bas <u>Jabatan Kejuruteraan</u> - Jalan & Perabut Jalan - Pemantauan Kerja-karya Penyelenggaraan oleh Kontraktor (Tiang Lampu, Jalan Majlis, Dewan-dewan Majlis) <u>Jabatan Taman & Rekreasi</u> - Inventori Taman Permainan - Inventori Pokok - Pemantauan Kerja-karya Penyelenggaraan oleh Kontraktor (Lanskap dan Pokok Teduhan, Taman Tasik dan Tasik Awam, Taman Permainan dan Padang Bola, Jalan-jalan Persiaran) <u>Jabatan Perkhidmatan Bandar</u> - Pemantauan Kerja-karya Penyelenggaraan oleh Kontraktor (Kutipan Sampah Domestik, Kutipan Sampah Pukul, Pembersihan Penyelenggaraan Parit) - Denggi <u>Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta</u>	<u>Dis 2012</u> Satu bengkel GIS diadakan <u>Dis 2015</u> Pelaksanaan integrasi data spatial dan data Penilaian & Cukai Taksiran serta data CF <u>Jun 2013</u> Data spatial Tadika siap <u>Dis 2013</u> Data spatial Laluan Bas siap <u>Dis 2015</u> Data spatial Jalan & Perabut Jalan siap <u>Dis 2012</u> Data spatial Pemantauan Kerja-karya Penyelenggaraan oleh Kontraktor Jabatan Kejuruteraan siap <u>Sept 2013</u> Data spatial inventori Taman Permainan siap <u>Dis 2015</u> Data spatial inventori pokok siap <u>Dis 2012</u> Data spatial Pemantauan Kerja-karya Penyelenggaraan oleh Kontraktor Jabatan Taman & Rekreasi siap <u>Dis 2012</u> Data spatial Pemantauan Kerja-karya Penyelenggaraan oleh Kontraktor Jabatan Taman & Rekreasi siap	Jabatan ICT / Perancangan / Kejuruteraan / Bangunan / Taman & Rekreasi / Penilaian & Pengurusan Harta / Perkhidmatan Bandar

- Gerai-gerai Majlis / Kiosk - Integrasi data spatial dan data Penilaian & Cukai Taksiran. • <u>Jabatan Pengurusan Hasil & Pelaburan</u> - Petak Letak Kereta yang telah digazetkan • <u>Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan</u> - Integrasi data spatial dan data Pelesenan - CCTV	Penyelenggaraan oleh Kontraktor Jabatan Perkhidmatan Bandar siap <u>Dis 2015</u> Data spatial denggi siap <u>Dis 2013</u> Data spatial Gerai / Kiosk Majlis siap <u>Dis 2015</u> Pelaksanaan integrasi data spatial dan data Penilaian & Cukai Taksiran <u>Dis 2015</u> Data spatial petak meletak kenderaan siap <u>Dis 2015</u> Pelaksanaan integrasi data spatial dan data Pelesenan <u>Jun 2013</u> Data spatial CCTV siap	
3k. Sistem Maklumat Perubatan (iKlinik)	<u>Jan 2013</u> Pelaksanaan Sistem Maklumat Perubatan (iKlinik)	Jabatan ICT / Khidmat Pengurusan
3l. Sistem Maklumat Kakitangan (iPIS)	<u>Mei 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2013</u> Pelaksanaan Sistem Maklumat Kakitangan (iPIS)	Semua Jabatan MBSA
3m. Sistem Maklumat Latihan (iLatihan)	<u>Jan 2013</u> Pelaksanaan Sistem Maklumat Latihan (iLatihan)	Jabatan ICT / Khidmat Pengurusan



PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
3n. Sistem Permohonan Jawatan (iKerjaya)	<u>Jan 2013</u> Pelaksanaan Sistem Permohonan Jawatan (iKerjaya)	Jabatan ICT / Khidmat Pengurusan
3o. Sistem Notice To Correct (iNTC)	<u>Jul 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Mei 2013</u> Pelaksanaan Sistem Notice To Correct (iNTC)	Jabatan ICT / Perkhidmatan Bandar
3p. Sistem Maklumat Penguatkuasaan (iPenguatkuasa)	<u>Jul 2013</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2014</u> Pelaksanaan Sistem Maklumat Penguatkuasaan (iPenguatkuasa)	Jabatan ICT / Penguatkuasaan
3q. Sistem Maklumat Quality (iQuality)	<u>Jul 2014</u> Kelulusan Pengurusan <u>Dis 2013</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jul 2014</u> Pelaksanaan Sistem Maklumat Quality (iQuality)	Jabatan ICT / Khidmat Pengurusan
3r. Sistem Pengurusan Pelan Pembangunan (iPembangunan)	<u>Jul 2013</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2014</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jul 2014</u> Pelaksanaan Sistem Pengurusan Pelan Pembangunan (iPembangunan)	Jabatan ICT / Jabatan Teknikal
3s. Sistem Pengurusan Aduan (menaiktaraf i-responze)	<u>Jul 2014</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2015</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Dis 2015</u> Siap menaiktaraf i-responze	Jabatan ICT / Bahagian Audit Dalam & Pengaduan Awam

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
3t. Sistem Bil Pelbagai	<u>Jan 2013</u> Pelaksanaan Sistem Bil Pelbagai	Semua Jabatan MBSA
3u. Sistem Cagaran	<u>Jan 2013</u> Pelaksanaan Sistem Cagaran	Semua Jabatan MBSA
3v. Sistem iBlacklist	<u>Jul 2013</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2014</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jul 2014</u> Pelaksanaan Sistem iBlacklist	Jabatan ICT / Undang-undang
STRATEGI 4: Hub Pengurusan Ilmu		
PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
4a. WebTV	<u>Jul 2012</u> Kelulusan Pengurusan <u>Jan 2013</u> Melantik pemborong/pembekal <u>Jul 2013</u> Pelaksanaan WebTV	Jabatan ICT
4b. Portal	<u>Jan, Apr, Jul, Okt Setiap Tahun</u> Kelulusan Jawatankuasa <u>Feb, Mei, Ogos, Nov Setiap Tahun</u> Pelaksanaan Portal	Jabatan ICT / Korporat



TERAS 3: PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT PBT

Strategi 1: Pemantapan Tadbir Urus ICT

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
1a. Peningkatan peranan jawatankuasa ICT - Jawatankuasa Teknikal ICT - Jawatankuasa Pemantauan CCTV - Jawatankuasa Portal dan Email	Dis 2012 Kelulusan cadangan peningkatan peranan Jawatankuasa ICT	Jabatan ICT
1b. Penstrukturan perjawatan Teknologi Maklumat	Jul 2012 Kelulusan MBSA Dis 2012 Kelulusan JPA	Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan
1c. Tambahbaik fungsi dan peranan Pasukan R&D dan Inovasi Inovasi ICT	Jan 2013 Kelulusan pengurusan Dis Setiap tahun Laporan Aktiviti tahunan Pasukan (SKT)	Jabatan ICT / Jabatan Pengguna
<i>Business Process Reengineering (BPR)/Business Process Improvement (BPI)</i>	Jun 2014 Kelulusan BPR untuk 2 proses	Jabatan ICT / Pelesenan & Penguatkuasaan / Perancangan

Strategi 2: Pengukuhan Dasar, Polisi Dan Prosedur ICT

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
2a. Pemantapan garis panduan DKICT	Dis 2013 Terbitan versi baru dan diluluskan dikuatkuasa	Jabatan ICT
2b. Pembangunan Prosedur ISO dan SOP : - ISO Pengurusan Aduan - SOP Backup data - SOP Penyelenggaraan Perkakasan - SOP Penyelenggaraan perisian komputer - SOP pembangunan aplikasi	Okt 2012 1 prosedur ISO Jun 2013 4 SOP siap	Jabatan ICT

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
2c. Perakuan dan pentauliah "Malaysia Trustmark Sektor Awam" daripada MAMPU	<u>Dis 2012</u> Mendapat Sijil MTSA	Jabatan ICT
2d. Pembangunan Baru • <i>Business Continuity Plan (BCP)</i> - <i>Malaysian Public Sector Information Security High Level Risk Assessment (HILRA)</i> - <i>Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment System (MyRAM)</i> • <i>Information Security Management System (ISMS)</i> • <i>Digital Signature</i>	<u>Jun 2014</u> Pelaksanaan <i>Business Continuity Plan (BCP)</i> <u>Jun 2014</u> Persijilan ISMS <u>Dis 2015</u> Pelaksanaan <i>Digital Signature</i>	Jabatan ICT
Strategi 3: Penubuhan Platform Perkongsian Pintar Di kalangan PBT		
PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
3a. Program perkongsian kepakaran ICT di kalangan PBT	<u>Setiap tahun</u> 4 Sesi Perbincangan 2 inovasi baru <u>Dis 2014</u> 1 sistem yang seragam <u>Setiap tahun</u> Sekurang-kurangnya 2 kali Mesyuarat JK ICT PBT	Jawatankuasa ICT PBT Selangor



TERAS 4: PEMANTAPAN MODAL INSAN DAN PEMBUDAYAAN ICT PBT

STRATEGI 1: Pemantapan Pelan Latihan ICT dan Pelaksanaan

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
1a. Pembangunan Pelan Latihan dan Kemahiran ICT 2012-2015 - Kumpulan Sasaran - Kenalpasti program ICT yang sesuai (<i>knowledge sharing, technology update</i>) - Tenaga Pengajar Dalam - Kemahiran ICT Kakitangan	<u>Dis 2012</u> Satu pelan latihan dan kemahiran ICT 2012-2015 yang diluluskan	Bahagian Latihan dan Kualiti, Jabatan Khidmat Pengurusan
1b. Perlaksanaan Pelan Latihan ICT Secara Dalam - Keperluan kakitangan kumpulan sokongan - Tenaga pengajar	<u>Setiap tahun</u> 4 kursus kakitangan teknikal 10 kursus kakitangan bukan teknikal <u>Jumlah kehadiran</u> Sekurang-kurangnya 90% kakitangan hadir kursus <u>Certified Course</u> 1 orang kakitangan	Bahagian Latihan dan Kualiti, Jabatan Khidmat Pengurusan
1c. Perlaksanaan Pelan Latihan ICT Secara Luaran - Keperluan kakitangan kumpulan sokongan - Tenaga pengajar	<u>Setiap tahun</u> 4 kursus kakitangan teknikal 4 kursus kakitangan bukan teknikal <u>Jumlah kehadiran</u> Sekurang-kurangnya 90% kakitangan hadir kursus <u>Certified Course</u> 1 orang kakitangan	Bahagian Latihan dan Kualiti, Jabatan Khidmat Pengurusan

STRATEGI 2: Peningkatan Pembudayaan ICT Di kalangan Warga Kerja

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
2a. Pelaksanaan Program Pembudayaan ICT • <i>Technology Update</i> • <i>Knowledge Sharing</i>	<u>Setiap Tahun</u> <u>Bilangan Program</u> 1 program <i>Knowlegde Sharing</i> setahun 1 program <i>Technology Update</i> setahun	Jabatan ICT
2b. Program Promosi / Kempen ICT • Promosi melalui buletin, risalah, buku, majalah dan bahan bacaan lain serta media elektronik	<u>Setiap Tahun</u> - Laporan Keberkesanan bagi setiap program yang dijalankan 6 program promosi setahun	Jabatan ICT / Semua Jabatan dan Bahagian MBSA



TERAS 5: PEMANTAPAN PEMBUDAYAAN ICT DANKEBOLEHPERCAYAAN MAKLUMAT KOMUNITI

STRATEGI 1: Pengukuhan Perkhidmatan Dalam Talian


PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
1a. Program transformasi perkhidmatan perbandaran Menambah perkhidmatan dalam talian	2012 3 daripada 11 Sistem = 27.3% 2013 6 daripada 11 Sistem = 54.5% 2014 2 daripada 11 Sistem = 18.2%	Jabatan ICT / Korporat
Mobile Services	Setiap tahun Perluasan Kawasan	Jabatan ICT
1b. Promosi perkhidmatan secara dalam talian SMS	Setiap tahun 4 kali setahun promosi disediakan	Jabatan ICT
WebTV	April 2015 4 kali setahun promosi disediakan	Jabatan ICT
Portal	Setiap Hari Kemaskini maklumat	Jabatan ICT / Korporat

STRATEGI 2 : Perluasan Kemudahan Capaian Internet

PROGRAM	KPI	PEMILIK PROGRAM
2a. Penambahan keluasan dan kelajuan capaian wifi Tempat dan bandwidth	Dis 2015 Seluruh Kawasan Shah Alam	Jabatan ICT

PELAN PELAKSANAAN

• Pemetaan Program ICT MBSA dengan Rangka Kerja Sektor Awam



Rajah 3: Pemetaan Program ICT MBSA Dengan Sektor Awam

PELAN PELAKSANAAN

• Jadual Pelaksanaan Program


Program-program ICT yang dirancang untuk dilaksanakan dalam PSICT bagi tempoh 4 tahun mulai 2012 adalah berdasarkan keperluan dan hala tuju strategik MBSA. Keutamaan pelaksanaan program-program ICT ditentukan berdasarkan kepada faktor-faktor seperti kepentingan mengatasi isu semasa, impak yang tinggi kepada sistem penyampaian perkhidmatan serta keupayaan dari segi sumber manusia sedia ada dan sumber kewangan.

• TERAS 1




Rajah 4: Senarai Program Teras 1 Mengikut Tahun Perlaksanaan

• TERAS 2



Rajah 5: Senarai Program Teras 2 Mengikut Tahun Pelaksanaan


• TERAS 3



Rajah 6: Senarai Program Teras 3 Mengikut Tahun Pelaksanaan



• TERAS 4



Rajah 7: Senarai Program Teras 4 Mengikut Tahun Perlaksanaan

• TERAS 5



Rajah 8: Senarai Program Teras 5 Mengikut Tahun Perlaksanaan

PELAN PERLAKSANAAN

- **Faktor Kritikal Program**

Dalam merealisasikan PSICT MBSA 2012 - 2015 ini, faktor kritikal program yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

- i. Peruntukan Kewangan dan Perkembangan Teknologi**

Peruntukan kewangan yang mencukupi adalah asas utama yang menentukan pelaksanaan semua program yang dirancang. Kestabilan infrastruktur ICT dan perubahan teknologi yang pantas memerlukan perancangan yang sesuai dan tepat dengan pembangunan aplikasi dan pelaksanaan projek ICT yang boleh memberi impak yang tinggi kepada organisasi.

- ii. Sumber Manusia**

Faktor sumber manusia bukan sahaja melihat kepada kecukupan dari segi bilangan kakitangan malah lebih dari itu adalah kakitangan ICT yang mahir dan pakar dari segi pembangunan sistem aplikasi, rangkaian, pangkalan data dan keselamatan ICT. Kakitangan yang ada juga perlu peka dan sentiasa mengikuti perkembangan dan perubahan teknologi yang bergerak pantas.

- iii. Kesediaan Pengurusan Perubahan**

Secara umumnya organisasi berubah adalah sebagai tindakbalas kepada cabaran yang datang dari persekitaran luar organisasi seperti faktor pelanggan dan *stakeholder*, politikal, perundangan, ekonomi, sosial, teknologi dan alam sekitar. Namun persekitaran dalaman organisasi seperti perubahan pucuk pimpinan dan perubahan kakitangan juga menyumbang kepada keperluan perubahan. Pengurusan perubahan merupakan satu perkara yang penting bagi memastikan usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan berjaya dilaksanakan. Pegawai dan kakitangan mestilah bersedia melaksanakan pembudayaan ICT dalam persekitaran kerja bagi mencapai visi dan misi majlis.



iv. Komitmen dan Sokongan Pengurusan

Sokongan daripada pihak pengurusan dan komitmen daripada kakitangan juga menjadi penentu kejayaan pelan strategik ICT MBSA. Pengurusan atasan yang peka dan menyokong perancangan dan pelaksanaan projek ICT akan memudahkan pelaksanaan program-program yang telah dirangka.



Rajah 9: Faktor Kritikal Program

PENUTUP

Pelan Strategik ICT MBSA yang dirancang akan menyokong Pelan Strategik MBSA untuk mencapai visi dan misinya. Tempoh pelaksanaan selama empat tahun iaitu bermula dari tahun 2012 sehingga 2015 disusun sejajar dengan pelan strategik MBSA yang mempunyai tempoh masa selama lima tahun bermula pada tahun 2010 dan berakhir pada tahun 2015.

Pelan ini telah digubal secara menyeluruh merangkumi pelbagai aspek dengan mengambil kira faktor kritikal kejayaan bagi setiap program yang dirancang. Sokongan daripada pihak pengurusan, komitmen daripada kakitangan serta kestabilan infrastruktur ICT akan menjadi penentu kejayaan pelan strategik ICT MBSA.

Pelan ini akan sentiasa dipantau dari masa ke semasa dan dikaji semula setiap tahun supaya ICT akan terus menjadi pemacu utama transformasi kecemerlangan MBSA dalam mencapai hasrat menjadi peneraju kecemerlangan penyampaian perkhidmatan awam di negeri Selangor.

TERMINOLOGI

ISTILAH	PENERANGAN
ASF	Analisis, Strategi Dan Formulasi
BCP	Business Continuity Plan
CCTV	Kamera Litar Tertutup
DKRICT	Dasar Keselamatan ICT
DRC	Data Recovery Center
EIS	Executive Information System
GIS	Geographic Information System
HILRA	Malaysia Public Sector Information Security High-Level Risk Assessment System
ICT	Information & Communication Technology
IPv6	Internet Protocol Version 6
ISO	International Organisation For Standardization
JMB	Joint Management Body
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MTSA	Malaysia Trustmark Sektor Awam
MyRAM	Malaysia Public Sector Information Security Risk Assessment System
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDA	Personal Digital Assistant
PIS	Personal Information System
PMO	Pejabat Pengurusan Projek
PSICT	Pelan Strategik ICT
R&D	Penyelidikan & Pembangunan
SMS	Sistem Pesanan Ringkas
SOP	Standard Operating Procedure



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM



MAMPU

RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK ICT 2012-2015 (PSICT)

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi

Tingkat 1, Wisma MBSA Persiaran Perbandaran
40000 Shah Alam, Selangor.

Tel : 03-5522 2715 / 03-5522 2716

Faks : 03-5512 1503

Hotline : 03-5510 5811

Emel : it@mbsa.gov.my

Laman Web : www.mbsa.gov.my

Talian Aduan : 1800-88-4477